



UNTUK ALBUM: Pemain UMS Kampus Antarabangsa Labuan dan pemain Fakulti Pertanian Lestari bergambar kenangan sebelum perlawanan bola tampar persahabatan di FPL, UMS Kampus Sandakan pada 6 Ogos lalu.

Sukan bola tampar eratkan staf UMSKAL dan FPL

VB 9.8.2019 20

LABUAN: Sukan bola tampar telah mengeratkan persahabatan antara staf Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan pemain Fakulti Pertanian Lestari (FPL) UMS Kampus Sandakan.

Perlawanan itu diadakan sempena program lawatan

muhibah staf UMSKAL ke Fakulti Pertanian Lestari UMS Kampus Sandakan pada 6 Ogos lalu.

Pasukan UMSKAL diketuai Ketua Program Lawatan, Che Din Md Salleh yang turut dibarisi Penolong Pendaftar Kanan yang juga Ketua Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia (SPSM) UMSKAL,

Mas Adi Alimin.

Che Din berharap pada masa akan datang, lebih banyak acara sukan dapat diadakan antara kedua-dua pihak.

“Perlawanan bola tampar itu bukan sahaja melengkapkan program lawatan ke FPL tetapi juga dapat mengeratkan hubungan per-

sahabatan antara staf UMSKAL dengan staf Fakulti Pertanian Lestari, UMS Kampus Sandakan,”katanya ditemui selepas perlawanan tersebut.

Perlawanan itu turut disaksikan Timbalan Pendaftar FPL, Dr Roslan Gimba dan Penolong Pendaftar FPL, Roslianah Opao.